

Pemanasan Global dan Kesan Rumah Hijau.

Arahan : Taip jawapan yang sesuai pada tempat kosong di bawah.

nitrogen	haba	kaca	pembakaran	dipantulkan
klorofluorokarbon	diserap	atmosfera	global	molekul

1. Pemanasan _____ ialah peningkatan suhu atmosfera bumi secara berterusan akibat daripada kesan rumah hijau yang melibatkan pertambahan gas karbon dioksida, klorofluorokarbon dan bahan-bahan pencemar yang lain.
2. Gas-gas rumah hijau terdiri daripada karbon dioksida, karbon monoksida dan _____ dioksida.
3. Suhu bumi semakin panas kerana _____ yang dibalikkan oleh bumi terperangkap dalam atmosfera oleh gas rumah hijau.
4. _____ atau singkatannya CFC ialah sejenis sebatian organik berbentuk gas yang mengandungi karbon, klorin dan fluorin.
5. Bumi menerima cahaya daripada matahari namun sebahagian pancaran matahari akan _____ semula oleh bumi dan atmosfera.
6. Bumi juga menjadi panas apabila sebahagian besar haba daripada pancaran matahari _____ oleh bumi.
7. Peningkatan pemanasan bumi juga disebabkan sebahagian haba diserap dan disebarkan ke semua arah oleh _____ gas rumah hijau.
8. Sebahagian pancaran matahari terbebas ke _____ dan menyebabkan kesan rumah hijau terjadi.
9. Antara punca peningkatan gas rumah hijau ialah _____ terbuka dan penerokaan hutan.
10. Kesan rumah hijau juga dikenali sebagai kesan rumah _____.